



---

**Isnin, 15 Mac 2021**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA BERSAMA**

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) DAN INSTITUT KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS)**

**JPJ DAN MIROS KOLABORATIF BERSAMA DALAM MENERAPKAN MESEJ KEPENTINGAN PEMAKAIAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK**

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah menjalankan kolaboratif bersama dalam menerapkan mesej pemakaian kerusi keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan menerusi video demonstrasi ujian perlanggaran.

Dalam sesi lawatan kerja oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia ke atas MIROS pada hari ini, satu kerjasama yang mapan telah diwujudkan dalam melancarkan satu video demonstrasi ujian perlanggaran trafik. Tujuan video demonstrasi ujian ini adalah untuk menyampaikan mesej

kepentingan menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak semasa dalam kenderaan.

Dato' Zailani Hj. Hashim, Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia dalam kenyataannya menegaskan bahawa video demonstrasi ujian perlanggaran trafik ini bertujuan untuk memupuk kesedaran kepada ibu bapa dalam melindungi kanak-kanak sekiranya berlaku kemalangan. Ulas beliau juga, risiko kecederaan ataupun kematian akibat kemalangan dapat dikurangkan sekiranya pihak ibu bapa mengambil berat penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak semasa menaiki kenderaan.

Sementara itu, Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim, Ketua Pengarah MIROS juga memaklumkan bahawa video ujian perlanggaran ini merupakan salah satu inisiatif Kluster Penyelidikan CAPROSYS (*Advanced Occupant Safety Protection System*) untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia dalam membudayakan pemakaian kerusi keselamatan kanak-kanak ketika menaiki kenderaan.

Pihak JPJ dan MIROS begitu komited dalam melestarikan kesedaran terhadap kepentingan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak bagi melindungi kanak-kanak dan mengurangkan risiko kecederaan sekiranya berlaku kemalangan semasa menaiki kenderaan.

Video demonstrasi ini boleh ditonton di laman sosial media MIROS dan JPJ (Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube) dan boleh dimuat turun dengan klik ke pautan di bawah:

“ <https://cloud.miros.gov.my/cloud/index.php/s/sBMfAf5zHJFTNqP> ”

**Kenyataan Bersama:**

**Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ); dan  
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)**

**- TAMAT -**